SEDIA ADAKAN PERTEMUAN DENGAN RAZALEIGH TANPA SYAR

Rencana2 khas Hari Angkatan Tentera di muka 3, 4, 5 dan 8

# Rundingan meja bula tak perlu–Mahathir

UM 16 SEP 1987

Oleh
Mukmin Latiff

**PULAU PINANG 15 Sept. — Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, adalah tidak perlu diadakan "rundingan meja bulat" untuk menyelesaikan perselisihan dalam UMNO, tetapi beliau bersedia untuk mengadakan pertemuan dengan Tengku Razaleigh Hamzah tanpa apa-apa syarat.**

"Datuk Musa yang berjumpa saya tidakpun mengenakan apa-apa syarat," kata Perdana Menteri di sidang akhbarnya di akhir lawatan rasmi tiga hari ke Pulau Pinang di Hotel Shangri-La di sini pagi ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir telah ditanya mengenai kesediaan Tengku Razaleigh berbincang dengannya untuk mengukuhkan perpaduan parti, tetapi dengan syarat setiap orang mengelak dari membuat kenyataan yang boleh memecahbelahkan UMNO.

"Jika dia (Tengku Razaleigh) bersedia menemui saya, saya tidak ada masalah, dia boleh datang berjumpa. Bagaimanapun, saya akan melawat negeri - negeri dan harap dia akan hadir sama," katanya.

"Kalau Tengku Razaleigh nak jumpa saya, tidak ada masalah. Beliau boleh berjumpa saya apabila saya melawat Kelantan. Tentu Tengku Razaleigh ada sama," kata Datuk Sri Dr. Mahathir. Beliau dijadual melawat Kelantan pada 2 dan 3 Oktober ini.

Dalam hubungan ini Datuk Sri Dr. Mahathir menarik

LIHAT MUKA 6

Re
SESU
bagi A
yang te
di bumi
ngit.
Maks
Ali Imra

# Rundingan meja bulat tak perlu — Mahathir

UM 16 SEP 1987

pe ... atian bahawa beliau telahpun mengadakan pertemuan dua jam dan berbincang mengenai isu politik semasa dan masalah UMNO dengan Datuk Musa Hitam.

Datuk Musa datang menemuinya sebelum Perdana Menteri berangkat ke luar negeri.

Menurut Datuk Sri Dr. Mahathir, Datuk Musa datang menemuinya atas kehendaknya sendiri tanpa dipaksa oleh mana-mana pihak.

Katanya, dalam lawatannya ke Johor baru-baru ini, Datuk Musa juga datang menemuinya di majlis penerangan UMNO dan turut menghadiri majlis jamuan makan malam yang diadakan sempena lawatannya itu.

Menurut Perdana Menteri dalam pertemuan dengan Datuk Musa itu, bekas Timbalan Presiden UMNO itu telah menegaskan yang beliau tidak menyokong kumpulan 12 yang mengambil tindakan mahkamah terhadap UMNO sekarang.

"Saya menyambut baik penegasan Datuk Musa itu sebagaimana saya akan menyambut baik sesiapa sahaja yang tidak menyokong tindakan kumpulan 12 itu atau yang membiayai mereka," katanya.

Ditanya sama ada benar beliau secara peribadi menaruh dendam terhadap Tengku Razaleigh seperti yang didakwa oleh Tengku Razaleigh, Datuk Sri Dr. Mahathir menjawab: "Tanyalah dia."

Mengenai dakwaan Tengku Razaleigh tentang penyokong - penyokongnya telah disisihkan dari kabinet dan Exco kerajaan negeri, Perdana Menteri berkata tindakan seumpama itu tidak dilakukan.

Katanya, sebarang perubahan semasa pembentukan kabinet atau Exco kerajaan negeri dibuat dengan tujuan melahirkan satu pasukan yang bersefahaman, dapat bekerjasama dan tidak menjadi penghalang kepada kelancaran pentadbiran negara dan negeri.

Katanya, mereka yang tersingkir telah lebih dulu sanggup dikenakan tindakan sedemikian jika kalah.

"Mereka tidak percaya kepada kepimpinan dan telah membocorkan rahsia," katanya.

"Oleh itu tindakan menyingkirkan mereka tentulah wajar. Bagi saya sendiri kalau kalah saya tidak jadi Perdana Menteri. Itu adalah kenyataan dan saya menerimanya."

Ditanya mengenai syor bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman yang mendesak beliau mengundang Tengku Razaleigh dan Datuk Musa menghadiri rundingan meja bulat untuk mengukuhkan perpaduan UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir berkata usaha seperti itu tidak perlu.

Katanya, penerangan yang disampaikannya semasa lawatannya ke seluruh negara sekarang telah berhasil mengeratkan semula UMNO dan menyedarkan ahli-ahli parti tentang pentingnya merapatkan semula barisan dalam parti.

"Yang perlu ahli-ahli UMNO tahu masalah yang menyebabkan timbulnya perselisihan dan minat siapa yang nak jadi pemimpin," katanya.

Lagipun, menurut beliau, penerangan - penerangan yang disampaikannya semasa lawatannya ke seluruh negara sekarang telah berhasil mengeratkan semula UMNO dan menyedarkan ahli-ahli parti tentang pentingnya merapatkan semula barisan depan parti.

Mengenai lawatan ke negeri ini, Perdana Menteri berkata lawatan itu memang dirancang dan hasilnya memuaskan, dalam usaha mengukuhkan lagi kedudukan UMNO dan Barisan Nasional negeri.